



**KENYATAAN MEDIA  
PEJABAT PERDANA MENTERI**

**UNTUK SIARAN SEGERA**

**LAWATAN KERJA YAB DATO' SERI ANWAR IBRAHIM  
PERDANA MENTERI MALAYSIA  
KE MESYUARAT KE-30 PEMIMPIN-PEMIMPIN EKONOMI ASIA-PACIFIC  
ECONOMIC COOPERATION (APEC) DAN  
MESYUARAT KE-34 MENTERI-MENTERI APEC (AMM)**

**14-17 NOVEMBER 2023  
SAN FRANCISCO, CALIFORNIA, AMERIKA SYARIKAT (AS)**

YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim akan mengetuai delegasi Malaysia ke Mesyuarat Ke-30 Pemimpin-Pemimpin Ekonomi Asia-Pacific Economic Cooperation (APEC) di San Francisco, California, Amerika Syarikat (AS), dari 14 hingga 17 November 2023.

YAB Perdana Menteri akan diiringi oleh YABhg. Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail; Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abdul Aziz; Menteri Luar Negeri, YB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir; Menteri Komunikasi dan Digital, YB Ahmad Fahmi Mohamed Fadzil; serta pegawai-pegawai kanan Kerajaan.

Selaku Pengerusi APEC untuk 2023, AS akan menjadi tuan rumah APEC Economic Leaders' Meeting (AELM) buat kali ketiga, selepas tahun 1993 dan 2011 di Blake Islands dan Honolulu. Tahun ini, Presiden Joseph R. Biden akan mempengerusikan AELM dan dijangka mengetuai perbincangan mendalam dengan Pemimpin-Pemimpin APEC mengenai topik yang berpusat kepada pengukuhan hubungan ekonomi; meningkatkan keterangkuman dan kemampunan; dan mengukuhkan daya tahan dan kerumitan ekonomi; selaras dengan tema APEC 2023, "Membina Masa Depan yang Berdaya Tahan dan Mampan untuk Semua".

AELM ke-30 dijangka menerima pakai Deklarasi Golden Gate 2023 Pemimpin-Pemimpin APEC, yang mencerminkan komitmen Ekonomi-Ekonomi APEC dalam menangani cabaran global dan memajukan usaha ke arah merealisasikan Wawasan Putrajaya APEC 2040. Penerimaan Deklarasi Golden Gate ini adalah penting kerana ianya menekankan perpaduan dan kerjasama di kalangan Ekonomi-Ekonomi APEC, terutamanya yang berkaitan dengan kebimbangan berterusan berkenaan, antara lainnya, krisis iklim dan gangguan rantaian bekalan.

Semasa di San Francisco, YAB Perdana Menteri dijadual mengetuai delegasi Malaysia ke Dialog Tidak Rasmi Pemimpin-Pemimpin Ekonomi APEC bersama Tetamu, iaitu Pemimpin Colombia, Fiji dan India; Dialog Majlis Penasihat Perniagaan APEC (ABAC) dengan Pemimpin-Pemimpin Ekonomi APEC; dan Sidang Kemuncak Ketua-ketua Pegawai Eksekutif (CEO) APEC 2023. Penglibatan dalam acara-acara ini akan menjadi peluang kepada YAB Perdana Menteri untuk menyatakan perspektif Malaysia mengenai ekonomi global semasa dan bertukar-tukar pandangan mengenai isu-isu serantau yang mendesak dengan Ketua-ketua Pegawai Eksekutif (CEO) yang berpengaruh, usahawan-usahawan dan Pemimpin-Pemimpin APEC. YAB Perdana Menteri juga akan menyertai Mesyuarat Kedua Pemimpin-pemimpin Kerangka Ekonomi Indo-Pasifik (IPEF).

Bagi memanfaatkan keberadaan di San Francisco, YAB Perdana Menteri juga dijangka mengadakan pertemuan secara individu dengan pemimpin-pemimpin perniagaan terkemuka Amerika, di sela-sela AELM. Mesyuarat ini bertujuan untuk memuktamadkan pelaburan bernilai tinggi yang akan mewujudkan peluang pekerjaan berkualiti tinggi di Malaysia; selaras dengan strategi dan objektif yang digariskan dalam Rangka Kerja Ekonomi MADANI dan Pelan Induk Perindustrian Nasional 2030 (NIMP 2030). YAB Perdana Menteri juga dijadual mengadakan pertemuan dua hala dengan beberapa Pemimpin-Pemimpin Ekonomi APEC untuk meneroka cara untuk mengukuhkan lagi kerjasama dua hala dalam pelbagai bidang demi manfaat bersama.

YAB Perdana Menteri turut akan menyaksikan pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU) di antara syarikat BlackBerry dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dalam kerjasama keselamatan siber.

Dalam rangka lawatan tersebut juga, YAB Perdana Menteri akan menyampaikan syarahan umum kepada pelajar dan sarjana di Universiti California, Berkeley, memfokuskan kepada “Superpower Rivalry and Rising Tensions in the Asia-Pacific – The View from Southeast Asia”. Dalam memberikan gambaran keseluruhan keadaan geopolitik, YAB Perdana Menteri juga akan menyentuh tentang demokrasi, kebebasan berperlembagaan dan Islamofobia. Sebelum pulang ke Malaysia, YAB Perdana Menteri akan menghoskan majlis makan malam dengan diaspora serta pelajar-pelajar Malaysia yang berada di San Francisco.

Sebagai Ekonomi pengasas APEC, penglibatan aktif Malaysia semasa Mesyuarat Ke-30 Pemimpin-Pemimpin Ekonomi APEC akan menekankan komitmen Malaysia ke arah mengukuhkan kerjasama ekonomi, meningkatkan kemakmuran ekonomi dan memupuk pembangunan yang saksama dan inklusif untuk semua. Sepanjang penglibatan YAB Perdana Menteri dengan Pemimpin-Pemimpin Ekonomi APEC dan di pelbagai platform pelbagai hala dan dua hala, YAB Perdana Menteri berhasrat untuk mengetengahkan situasi di Palestin, untuk meraih sokongan global, akses kemanusiaan, dan penyelesaian yang adil. YAB Perdana Menteri juga akan mengambil peluang untuk berkongsi keutamaan dan prinsip Malaysia di bawah Rangka Kerja Ekonomi MADANI, menekankan keterangkuman, pembangunan mampan dan kerjasama untuk kemakmuran bersama.

**PEJABAT PERDANA MENTERI**

13 November 2023